

**KECERDASAN EMOSI DALAM KALANGAN PELAJAR DIPLOMA  
PENDIDIKAN LEPASAN IJAZAH (DPLI) UNIVERSITI TUN HUSSEIN  
ONN MALAYSIA**

**RASHIDA BINTI CHE ANI**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai  
memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**JANUARI 2013**

## ABSTRAK

Kecerdasan emosi dapat dijadikan sebagai panduan bagi mewujudkan pendidikan yang berkualiti serta sebagai asas pemerolehan ilmu pengetahuan bagi seseorang pendidik dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang guru. Namun begitu, adakah faktor umur dan pengalaman seseorang pendidik menjejaskan kecerdasan emosi mereka apabila meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi? Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap kecerdasan emosi pelajar Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan menggunakan soal selidik berdasarkan model Goleman iaitu kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran. Kajian tinjauan secara pendekatan kuantitatif ini melibatkan seramai 210 orang pelajar DPLI yang berbeza kursus. Data yang dikumpul telah dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Science* versi 16.0 secara analisis deskriptif dan analisis inferensi. Nilai min dikira bagi menentukan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar DPLI. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar DPLI berada pada tahap yang tinggi (4.24). Hasil dapatan dari analisis inferensi iaitu ujian parametrik ANOVA menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan umur serta pengalaman mengajar pelajar terhadap kecerdasan emosi. Oleh itu, keputusan analisis menunjukkan bahawa faktor umur dan pengalaman pelajar tidak menjejaskan kecerdasan emosi mereka dan tidak menghalang pelajar tersebut untuk cemerlang dalam pengajian yang diteruskannya.



## ABSTRACT

Emotional quotient can be used as a guidance to create quality education and as a base of knowledge acquisition process for an educator in discharging his duty. However, are the factors of age and experience affect an educator's emotional quotient when he continue his education at the higher level? Hence, this study aims to analyze the emotional quotient of students of *Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI)*, Tun Hussein Onn Malaysia University (UTHM) using a model of Goleman-based survey, which involves self-awareness, self-control, self-motivation, empathy and skills. Quantitative survey conducted involves a group of 210 students in multiple courses of DPLI. Data obtained was analyzed using Statistical Package for the Social Science ver. 16.0, and was analyzed descriptively and inferentially. Mean value was calculated to determine the level of emotional quotient among the students of DPLI. The outcome shows that the level of emotional quotient among the students is at a high level of 4.24. Adding to that, inference analysis of ANOVA parametric test shows that there is no significance difference based on age and teaching experience. Henceforth, the analysis can be concluded as showing that factor of age and teaching experience does not affect emotional quotient of the students and does not hamper their ability to excel in furthering their study.



## KANDUNGAN

<b>PENGESAHAN STATUS LAPORAN</b>	
<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>i</b>
<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
<b>HALAMAN PENGHARGAAN</b>	<b>vi</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang masalah	4
1.3 Penyataan masalah	7
1.4 Tujuan kajian	8
1.5 Objektif kajian	8
1.6 Persoalan kajian	8
1.7 Hipotesis kajian	9
1.8 Kerangka konsep kajian	9
1.9 Kepentingan kajian	10
1.10 Skop kajian	10
1.11 Batasan kajian	11
1.12 Definisi istilah dan pengoperasian	11
1.12.1 Kecerdasan	11



1.12.2	Emosi	12
1.12.3	Kecerdasan emosi	12
1.12.4	Pengalaman	12
1.12.5	Demografi	13
1.13	Rumusan	13

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR 14**

2.1	Pengenalan	14
2.2	Penubuhan Diploma Pendidikan Lepas Izajah	15
2.3	Kecerdasan	15
2.4	Emosi	16
2.5	Faktor-faktor yang mempengaruhi emosi	16
2.6	Kecerdasan emosi	17
2.6.1	Perkaitan kecerdasan emosi dengan umur	18
2.6.2	Perkaitan kecerdasan emosi dengan pengalaman kerja	18
2.7	Ciri-ciri individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi	18
2.8	Model Kecerdasan Emosi Goleman	19
2.8.1	Kesedaran sendiri	20
2.8.2	Pengawalan sendiri	20
2.8.3	Motivasi sendiri	21
2.8.4	Empati	21
2.8.5	Kemahiran sosial	21
2.9	Model Kecerdasan Emosi Bar-On	22
2.9.1	Intrapersonal	22
2.9.2	Interpersonal	23
2.9.3	Pengurusan tekanan	23
2.9.4	Penyesuaian	23
2.9.5	Penyelesaian masalah	24
2.10	Model kecerdasan emosi empat cabang	24
2.10.1	Mengenal pasti emosi	25
2.10.2	Menggunakan emosi untuk memudahkan	25



	proses berfikir	
2.10.3	Memahami emosi	26
2.10.4	Mengurus emosi	26
2.11	Perbandingan domain antara model-model kecerdasan emosi	26
2.11.1	Domain kesedaran sendiri	27
2.11.2	Domain pengawalan sendiri	28
2.11.3	Domain motivasi sendiri	29
2.11.4	Domain empati	29
2.11.5	Domain kemahiran sosial	30
2.12	Kajian lepas	30
2.12	Rumusan	35

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 36**

3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka bentuk kajian	37
3.3	Kerangka kerja operasi	37
3.4	Populasi dan sampel kajian	39
3.5	Instrumen kajian	39
3.5.1	Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik	41
3.6	Penganalisan data	42
3.7	Rumusan	44

### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN 45**

4.1	Pengenalan	45
4.2	Analisis demografi	46
4.2.1	Umur	46
4.2.2	Pengalaman	47
4.2.3	Rumusan analisis demografi	48
4.3	Analisis tahap kecerdasan emosi pelajar DPLI	48
4.3.1	Analisis tahap kesedaran sendiri	49
4.3.2	Analisis tahap pengawalan sendiri	51
4.3.3	Analisis tahap motivasi sendiri	53

4.3.4	Analisis tahap empati	55
4.3.5	Analisis tahap kemahiran sosial	57
4.3.6	Rumusan analisis tahap kecerdasan emosi pelajar DPLI	59
4.4	Analisis perbezaan kecerdasan emosi pelajar DPLI berdasarkan umur	59
4.5	Analisis perbezaan kecerdasan emosi pelajar DPLI berdasarkan pengalaman	61
4.6	Rumusan	63
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>64</b>
5.1	Pengenalan	64
5.2	Perbincangan	65
5.2.1	Apakah tahap kecerdasan emosi pelajar DPLI melalui model kecerdasan emosi Goleman iaitu kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial?	65
5.2.2	Apakah perbezaan kecerdasan emosi pelajar DPLI berdasarkan demografi umur?	68
5.2.3	Apakah perbezaan kecerdasan emosi pelajar DPLI berdasarkan demografi pengalaman?	69
5.3	Kesimpulan	70
5.4	Cadangan	71
5.4.1	Cadangan kajian lanjutan	71
5.4.2	Cadangan kepada pendidik	72
5.4.3	Cadangan kepada pihak institusi pengajian	72
5.5	Rumusan	73
	<b>RUJUKAN</b>	<b>74</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>78</b>



## SENARAI JADUAL

2.1	Perbezaan model kecerdasan emosi mengikut domain	26
3.1	Bilangan sampel mengikut populasi kajian	39
3.2	Pemilihan tahap jawapan responden	40
3.3	Pembahagian bilangan item di dalam soal selidik	41
3.4	Interpretasi Skor <i>Alpha Cronbach</i>	42
3.5	Skor <i>Alpha Cronbach</i>	42
3.6	Kaedah statistik analisis data	43
3.7	Jadual interpretasi skor min	43
4.1	Analisis taburan dan peratusan responden mengikut umur	46
4.2	Analisis taburan dan peratusan responden mengikut tempoh pengalaman kerja	47
4.3	Analisis tahap kecerdasan emosi pelajar dari segi kesedaran sendiri	49
4.4	Analisis tahap kecerdasan emosi pelajar dari segi pengawalan sendiri	51
4.5	Analisis tahap kecerdasan emosi pelajar dari segi motivasi sendiri	53
4.6	Analisis tahap kecerdasan emosi pelajar dari segi empati	55
4.7	Analisis tahap kecerdasan emosi pelajar dari segi kemahiran sosial	57
4.8	Skor min keseluruhan tahap kecerdasan emosi	59
4.9	Keputusan ujian ANOVA kecerdasan emosi pelajar DPLI berdasarkan umur	60
4.10	Keputusan ujian ANOVA kecerdasan emosi pelajar DPLI berdasarkan pengalaman	62





**SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka konsep kajian	9
2.1	Model kecerdasan emosi Goleman	20
2.2	Model kecerdasan emosi Bar-On	22
2.3	Model kecerdasan emosi empat cabang	25
3.1	Kerangka kerja operasi	38
4.1	Analisis peratusan responden mengikut umur	47
4.2	Analisis peratusan responden mengikut tempoh	48



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI SINGKATAN**

DPLI	Diploma Pendidikan Lepas Ijazah
GSTT	Guru Sandaran Tidak Terlatih
GST	Guru Sandaran Terlatih
PTV	Pendidikan Teknik dan Vokasional
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KDPM	Kursus Diploma Perguruan Malaysia
IKEM	Inventori Kepintaran Emosi Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
FPTV	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

- A** Soal selidik
- B** Pengesahan soal selidik
- C** Surat kebenaran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- D** Jadual penentuan saiz sampel
- E** Kebolehpercayaan *Alpha Cronbach*
- F** Analisis ujian parametrik
- G** Carta Gantt Projek Sarjana II



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pendidikan merupakan suatu proses pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan kepakaran dan keterampilan khusus. Pendidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara baik negara membangun atau negara maju. Pada asasnya, sistem pendidikan ingin melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, rohani, intelek dan emosi. Mutu pendidikan yang baik secara langsung atau tidak langsung akan memberikan sumbangan kepada pembentukan generasi cemerlang. Mutu pendidikan yang cemerlang pula banyak bergantung kepada produktiviti yang tinggi dalam kalangan pendidik, terutama para guru (Ibrahim, 2003). Pendidikan guru yang cemerlang banyak dipengaruhi oleh sikap dan nilai yang berkesan melalui sesuatu institusi itu. Menurut Selamat (2000), sikap, nilai serta prestasi guru memberikan implikasi yang besar terhadap pengajaran dan pembelajaran. Prestasi ini bermaksud merujuk kepada tahap pendidikan guru tersebut dari segi emosi, ilmu pengetahuan dan maklumat yang perlu diketahui oleh seseorang guru.



Di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan:

*“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketerampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”*

Melalui penelitian terhadap falsafah pendidikan di atas, perkara yang perlu diberikan perhatian di dalam sistem pendidikan negara ini adalah mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2001). Menggalas tanggungjawab sebagai seorang guru pada bukanlah suatu tugas yang mudah. Khususnya, guru Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di Malaysia menjadi salah satu tunggak negara dalam melahirkan insan yang berkebolehan dalam bidang kerjanya serta berupaya menjadi seorang pemimpin dalam kelompok masyarakat yang didepaninya. Menurut Mohamad Ariff *et al.*, (2010), untuk melahirkan seorang pendidik bagi masa hadapan memerlukan kefahaman matlamat pendidikan yang jelas dengan bertonggakkan kepada penghayatan terhadap kefahaman falsafah yang baik.

Guru PTV di Malaysia dituntut untuk memiliki penghayatan dan kefahaman falsafah yang lebih baik dan berupaya untuk menterjemahkan kefahaman tersebut melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif bagi mencapai matlamat pendidikan seperti yang dicitrakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Guru PTV yang profesional seharusnya mampu menjelaskan FPK dengan mudah supaya matlamat pendidikan yang hendak dicapai berada pada sasaran atau standard yang telah ditetapkan. Watson (2005) menegaskan bahawa standard profesional ada menerangkan pelajar lulusan bidang pendidikan adalah diharapkan untuk mengetahui dan menunjukkan dalam hal profesional mereka pengetahuan dan amalan apabila memasuki profesion mereka. Mohamad Ariff *et al.* (2010), menegaskan bahawa dalam melengkapinya seseorang guru PTV bagi masa hadapan adalah penting bagi mereka memahami diri mereka dengan lebih baik terutamanya



pengawasan diri terhadap emosi dan rohani. Elemen yang perlu dititikberatkan dalam menghasilkan pendidik yang berkualiti perlu mementingkan persiapan mental dan fizikal. Oleh itu, dalam kajian ini unsur yang telah diberikan keutamaan meliputi aspek kecerdasan emosi. Domain utama yang akan diuji dalam kajian ini ialah aspek kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial. Perkataan emosi berasal dari perkataan Greek iaitu *emovere* yang bermaksud emosi akan ditonjolkan keluar sebagai satu bentuk bagi memenuhi kepuasan seseorang. Menurut Abd. Hamid (2006), emosi dan perasaan seperti tangisan, gelak ketawa, kesedihan dan ketakutan mencorakkan warna kehidupan, membentuk sikap dan personaliti serta menggerakkan arah hidup manusia. Emosi juga boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan yang dialami oleh manusia yang melibatkan beberapa perubahan proses fisiologi, diri dan psikologi.

Kecerdasan adalah kebolehan menaakul dengan baik dan logik, menyelesaikan masalah, bertutur dengan lancar, membaca dengan meluas, menguasai perbendaharaan kata yang baik, membaca dengan kefahaman, menulis dengan baik, ingatan yang baik dan pengetahuan yang luas (Ishak, 2005). Menurut Goleman (1995), beliau menerangkan bahawa tahap kecerdasan emosi seseorang individu adalah merupakan faktor utama kepada penentuan kejayaan seseorang individu, terutamanya pelajar. Dalam bukunya, *Emotional Intelligence*, beliau berpendapat bahawa kecemerlangan seseorang individu adalah bergantung kepada 20% daripada kecerdasan intelek dan 80% adalah bergantung kepada pengurusan emosi secara berkesan.



## 1.2 Latar belakang masalah

Dari konteks pendidikan, kenapa pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan dengan sempurna? Secara umumnya, tugas utama seorang guru adalah untuk memudahkan pembelajaran pelajar. Oleh itu, menjadi kewajipan kepada seseorang guru untuk menyediakan suasana pembelajaran yang menarik serta menghasilkan pengajaran yang berkesan. Menurut Alsagoff (1984), pengajaran berkesan bermaksud guru yang dapat membawa perubahan kepada pelajar dengan mencapai hasil pembelajaran yang diinginkannya. Perkara ini melibatkan corak pengajaran berstruktur dari segi organisasi bilik darjah serta penyampaian isi pelajaran. Selain itu pengajaran berkesan boleh dirujuk sebagai pendekatan pengajaran oleh guru yang lebih berpusatkan pelajarinya sehingga dapat menarik perhatian untuk bersama-sama mengikuti aktiviti pembelajaran.

Penyataan ini disokong oleh Boon & Chua (1992), menyatakan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah perlu melibatkan dua pihak iaitu guru dan pelajar. Oleh itu pengajaran yang ideal hendaklah memberi kesan penuh ke atas pembelajaran yang berlaku. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, seseorang guru perlu berhadapan dengan pelajar yang berbeza dari segi kebolehan, pemikiran serta tingkah lakunya. Oleh itu, guru perlu menyiapkan diri dari segi mental, emosi dan menentukan pendekatan pengajaran serta memilih teknik pengajaran yang sesuai dengan perkembangan kebolehan pelajar. Namun begitu, tugas guru bukan sahaja sebagai pengajar, tetapi guru perlu melakukan kerja-kerja pentadbiran, menjalankan kegiatan kokurikulum serta melibatkan diri di dalam persatuan ibu bapa dan guru (Mohamad *et al.*, 2007).

Waktu bekerja seorang guru juga tidak menentu kerana guru perlu melakukan pelbagai tugas untuk melaksanakan kegiatan kokurikulum. Menurut Ishak (2005), profesion perguruan merupakan profesion yang tidak mempunyai masa kerja yang jelas antara masa bekerja dan masa tidak bekerja. Selain daripada mengajar di waktu persekolahan, guru juga dikehendaki datang ke sekolah pada waktu petang, pada hujung minggu dan pada hari-hari cuti untuk menjalankan kegiatan kokurikulum seperti badan beruniform, kelab dan lain-lain. Apabila dilambakkan dengan bebanan kerja yang banyak, emosi seseorang tidak akan stabil dan akan mengalami gangguan stres. Cox & Brockley (1984) dan Nordin (2004) berpendapat stres adalah satu

fenomena persepsi yang wujud daripada satu perbandingan di antara arahan yang diberikan oleh seseorang dengan kebolehan untuk melakukan arahan tersebut dengan jayanya. Ketidakseimbangan dalam mekanisme ini menyebabkan wujudnya pengalaman ketegangan yang mana akan diikuti pula oleh gerak balas ketegangan. Ishak *et al.* (2003) menyatakan bahawa stres guru boleh ditakrifkan sebagai perasaan tidak selesa, emosi negatif seperti marah, kebimbangan, tekanan serta kekecewaan yang berpunca dari aspek kerja mereka sebagai seorang guru. Kenapa pengurusan emosi perlu diuruskan dengan sempurna? Masalah pengurusan emosi juga perlu dilihat dari aspek kesannya ke atas individu, masyarakat dan juga negara.

Gangguan dan ketegangan emosi yang tinggi atau berterusan bukan hanya mempengaruhi tingkah laku tetapi juga sikap dan keadaan psikologi, nilai dan kebolehan mereka (Cross, 1974). Oleh itu, kecenderungan dalam mengawal keadaan emosi dengan baik adalah faktor penentu kecemerlangan sesuatu urusan sama ada secara personal mahupun profesional. Seseorang guru itu perlu bersedia dalam pengawalan emosi melalui elemen-elemen yang terdapat di dalam model kecerdasan emosi Goleman iaitu seperti kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial. Menurut Burzi (2004), individu yang mempunyai persepsi yang mereka berkebolehan dalam sesuatu keadaan akan juga mempunyai persepsi dapat mengawal situasi itu. Begitu juga dengan seorang guru, di mana jika seseorang guru mempunyai kesedaran sendiri dengan kemampuan dirinya maka guru tersebut juga akan dapat mengawal dirinya di dalam sesuatu keadaan. Mohamad *et al.* (2007) pula menyatakan seseorang guru perlu untuk bekerja keras untuk sedaya upaya menawan hati pelajar agar menumpukan pada pembelajaran dan pengajaran dalam kelas.

Guru tersebut hendaklah guru yang bermotivasi tinggi bagi mendorong semangat pelajar-pelajarnya. Oleh itu, seseorang guru perlu mempunyai kemahiran motivasi di dalam dirinya terlebih dahulu sebelum berhadapan dengan pelajar-pelajar. Melalui kajian Skovholt & D'Rozario (2000), guru cemerlang didapati mempunyai atribusi atau domain kecerdasan emosi seperti empati dan kemahiran sosial. Kajian ini juga menunjukkan bahawa guru-guru cemerlang mempunyai tahap kepintaran interpersonal dan intrapersonal yang tinggi. Di sebabkan itu, untuk menjadi seorang guru yang cemerlang, guru tersebut perlu mempunyai sikap yang empati dan kemahiran sosial yang tinggi. Dengan ketahuinya keadaan kecerdasan emosi seseorang, ia akan menjadikan individu tersebut lebih prihatin pada diri sendiri





serta orang lain. Dalam kajian ini, kecerdasan emosi para pelajar yang berlatar belakangkan seorang guru telah dinilai. Pelajar Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI) adalah pelajar yang boleh digelar guru novis, di mana guru yang bakal menamatkan program pendidikan guru dan baru memulakan perkhidmatannya di sekolah-sekolah. Menurut Zamri *et al.* (2007), guru novis merupakan guru-guru sandaran terlatih yang ditempatkan di sekolah-sekolah selepas menjalani latihan perguruan dalam satu jangka masa yang ditetapkan oleh maktab-maktab perguruan atau universiti-universiti. Manakala Ibrahim *et al.* (2006) dan Khalid (2009) memberi definisi guru novis sebagai guru baru yang terlatih dan mula berkhidmat di antara satu hingga tiga tahun, dalam tempoh percubaan dan belum disahkan lagi dalam jawatan.

DPLI telah diwujudkan selaras Mesyuarat Penyelaras Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Kementerian Pengajian Tinggi pada 29 Ogos 2006. Calon bagi menduduki Diploma Pendidikan ini adalah Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) yang telah berkhidmat di sekolah-sekolah di Malaysia. Perkara ini berbeza dengan guru novis kerana guru novis ini di kategorikan sebagai Guru Sandaran Terlatih (GST). Calon GSTT yang terpilih wajib memenuhi tempoh pengajian yang telah ditetapkan bagi membolehkan penempatan yang tetap sebagai seorang pendidik dengan memiliki ikhtisas pendidikan. Menurut Humphrey *et al.* (2007), pendidikan dan latihan ikhtisas guru merupakan faktor yang paling utama dalam menentukan kualiti guru dan kualiti pengajaran. Kalangan pakar telah sepakat bahawa penguasaan pengetahuan dalam bidang pengajaran menjadi ciri yang paling penting dalam pengajaran guru. Kecerdasan emosi para pelajar mungkin dikatakan tidak sama jika dibandingkan dengan seseorang yang telah bergelar pekerja.

Kecerdasan emosi dijadikan sebagai asas pemerolehan ilmu pengetahuan. Kecerdasan emosi dapat dijadikan sebagai panduan bagi mewujudkan pendidikan yang berkualiti (Uno, 2006). Para pelajar mempunyai tahap kebolehan yang hampir sama tetapi pencapaian akademik mereka adalah berbeza. Hal ini disebabkan kecerdasan emosi mempengaruhi tahap pencapaian mereka. Jika dilihat perbezaan pelajar biasa dan pelajar DPLI, terdapat berbagai faktor demografi yang berbeza dari segi umur dan pengalaman di dalam bidang pendidikan. Latar belakang pendidikan dan pengalaman mengajar akan lebih meningkatkan tahap keyakinan seseorang itu mengenai sesuatu prinsip, nilai dan tanggapan yang berbeza di antara satu sama lain. Golongan pendidik khususnya guru selalunya mempunyai pelbagai latar belakang



pendidikan dalam kelayakan akademik serta latihan. Mereka dibahagikan dengan beberapa kategori perkhidmatan berdasarkan tahap pengalaman mengikuti latihan yang berbeza (Mok, 2008). Mereka mempunyai pengalaman sebagai seorang pendidik serta pengalaman mengenai pengurusan emosi. Oleh itu, apabila menjadi seorang pelajar semula, adakah mereka mengalami pelbagai masalah terutamanya dari segi kecerdasan emosi? Kebolehan dan kepintaran bertindak seseorang diperlukan dalam menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan serta untuk memenuhi potensinya. Menurut Goleman (2006), kebolehan seseorang menerima cabaran sentiasa berubah mengikut keadaan dan amat berkait rapat dengan kebolehan dan kestabilan emosi seseorang. Kemampuan memahami dan mengendali emosi diri dan orang lain ini digambarkan oleh Goleman dalam konsep kecerdasan emosi.

### 1.3 Penyataan masalah

Berdasarkan latar belakang masalah, penyelidik berpendapat bahawa proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti agak memberi tekanan kepada para pelajar DPLI dengan pelbagai kerja kursus yang mempunyai tugas dan juga projek yang perlu dilaksanakan. Tidak semua pelajar mampu menghadapi situasi ini terutamanya bagi pelajar yang berumur serta mempunyai komitmen yang seperti bekerja dan mempunyai keluarga. Pelajar DPLI juga adalah pelajar yang telah mempunyai pengalaman bekerja sebagai pengajar. Jika hendak dibandingkan mereka dengan pelajar lain, mungkin mereka akan menghadapi tahap tekanan yang agak tinggi. Melalui kajian lepas, responden yang berumur mendapat skor kecerdasan emosi yang tinggi. Begitu juga dengan kumpulan responden yang berpengalaman, iaitu mendapat skor yang tinggi. Isunya, adakah kecerdasan emosi pelajar DPLI tinggi berdasarkan faktor pengalaman dan umur? Melalui kajian ini, kecerdasan emosi pelajar DPLI telah dikaji melalui model Goleman iaitu kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial.



#### **1.4 Tujuan kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kecerdasan emosi melalui lima domain utama model kecerdasan emosi Goleman iaitu kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial berdasarkan demografi umur dan pengalaman pelajar DPLI.

#### **1.5 Objektif kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menenal pasti tahap kecerdasan emosi pelajar DPLI melalui model kecerdasan emosi Goleman iaitu kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial.
- ii. Menenal pasti perbezaan tahap kecerdasan emosi pelajar DPLI berdasarkan demografi umur.
- iii. Menenal pasti perbezaan tahap kecerdasan emosi pelajar DPLI berdasarkan demografi pengalaman.

#### **1.6 Persoalan kajian**

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan kajian berikut:

- i. Adakah tahap kecerdasan emosi pelajar DPLI melalui model kecerdasan emosi Goleman iaitu kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial ?
- ii. Adakah terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi pelajar DPLI berdasarkan demografi umur?


- iii. Adakah terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi pelajar DPLI berdasarkan demografi pengalaman?

### 1.7 Hipotesis Kajian

- i.  $H_{01}$ : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan ke atas tahap kecerdasan emosi mengikut perbezaan umur dalam kalangan pelajar DPLI.
- ii.  $H_{02}$ : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan ke atas tahap kecerdasan emosi mengikut perbezaan pengalaman dalam kalangan pelajar DPLI.

### 1.8 Kerangka konsep kajian

Hubungan di antara kecerdasan emosi dan demografi pelajar DPLI dapat dilihat pada rajah 1.1.



Rajah 1.1: Kerangka konsep kajian

Berdasarkan Rajah 1.1 di atas, kerangka konsep menerangkan bahawa tahap kecerdasan emosi iaitu kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial diuji berdasarkan kepada demografi pengalaman dan

umur pelajar DPLI. Dalam kajian ini, soal selidik berdasarkan model kecerdasan emosi Goleman digunakan untuk mengenal pasti tahap kecerdasan emosi pelajar DPLI di UTHM. Berdasarkan persoalan kajian yang dinyatakan, jika pengalaman pelajar adalah tinggi, adakah tahap kecerdasan emosi pelajar DPLI juga akan tinggi? Manakala jika pengalaman pelajar adalah rendah, adakah tahap kecerdasan emosi pelajar juga akan rendah? Begitu juga dengan faktor umur, di mana adakah tahap kecerdasan emosi pelajar DPLI akan tinggi jika pelajar lebih berumur atau sebaliknya. Dalam konteks kajian ini, model kecerdasan emosi Goleman merupakan pembolehubah bersandar di mana ianya diuji berdasarkan demografi pengalaman pelajar dan umur pelajar yang merupakan pembolehubah kategori bebas.

### **1.9 Kepentingan kajian**

Kepentingan kajian ini membantu beberapa pihak terutamanya pihak pentadbiran pelajar DPLI agar dapat mengenal pasti tahap perkembangan kecerdasan emosi diri mereka di mana pengawalan emosi memberi kesan dan mempengaruhi prestasi akademik serta tingkah laku mereka sebagai seorang pelajar. Selain itu, kajian ini dapat memudahkan pendidik ataupun para pengajar membuat perancangan yang lebih bersesuaian dengan keadaan pelajar. Guru juga boleh merangka pendekatan serta aktiviti yang bersesuaian bagi meningkatkan prestasi akademik dan cara tingkah laku seseorang pelajar serta dapat membantu pelajar dengan berkaitan pengurusan emosi demi menjadikan mereka pelajar yang cemerlang.

### **1.10 Skop Kajian**

Kajian ini telah dijalankan ke atas pelajar-pelajar DPLI di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor. Model kecerdasan emosi *Goleman* yang dinilai melibatkan domain kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial. Dapatan hasil kajian ini hanya sah digunakan di kawasan yang di kaji sahaja. Segala data adalah bergantung kepada maklumat yang diberi pemerhatian serta pengalaman pengkaji.

## 1.11 Batasan kajian

Kajian ini dijalankan kepada pelajar DPLI di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Dapatan kajian yang diperoleh hanya boleh digeneralisasikan kepada pelajar DPLI di UTHM sahaja dan tidak boleh dibuat generalisasi sebagai mewakili pelajar DPLI di institusi pengajian tinggi di Malaysia lain yang mungkin tidak mempunyai kriteria latar belakang yang sama. Kajian ini telah dinilai melalui model kecerdasan emosi *Goleman* iaitu kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik berdasarkan domain kecerdasan emosi. Keputusan kajian bergantung kepada kejujuran dan kefahaman pelajar dalam menjawab soal selidik yang diberikan. Oleh itu, penilaian yang dijalankan bergantung sepenuhnya terhadap keikhlasan responden dalam membantu penyelidik menjalankan kajian ini.

## 1.12 Definisi istilah dan pengoperasian

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang perlu diberi penjelasan dengan terperinci kerana ia digunakan oleh pengkaji untuk keperluan kajian. Antaranya ialah:

### 1.11.1 Kecerdasan

Berdasarkan Kamus Dewan (2005) kecerdasan bermaksud kesempurnaan akal untuk berfikir, mengerti dan lain-lain seperti kepandaian, kepintaran dan kecerdikan. Ilias & Yaakub (1997) mentakrifkan kecerdasan sebagai kebolehan menaakul dengan baik dan logik, kebolehan menyelesaikan masalah, kebolehan bertutur dengan lancar, kebolehan membaca dengan meluas, menguasai perbendaharaan kata yang baik, kebolehan membaca dengan kefahaman, kebolehan menulis dengan baik, ingatan yang baik dan pengetahuan yang luas.

### **1.11.2 Emosi**

Kamus Dewan (2005) menyatakan emosi bermaksud perasaan jiwa yang kuat seperti sedih, gembira, takut dan lain-lain. Mohamed (1992) berpendapat emosi dan perasaan seperti tangisan, gelak ketawa, kesedihan dan ketakutan mencorakkan warna kehidupan, membentuk sikap dan personaliti serta menggerakkan arah hidup manusia. Dalam kajian ini, emosi memainkan peranan yang utama bagi menilai tahap kecerdasan emosi mereka.

### **1.11.3 Kecerdasan emosi**

Menurut Corrie (2009), kecerdasan emosi merupakan salah satu cara untuk memahami dan membentuk bagaimana manusia berfikir, rasa dan tingkah laku. Personaliti atau ego adalah dibentuk melalui emosi individu, fizikal, dan mental yang menjadikannya satu kombinasi yang unik. Walaupun setiap manusia mempunyai bentuk badan yang serupa, minda dan pemikiran yang serupa setiap dari ini adalah berbeza sama sekali yang menjadikan seseorang itu sebagai seorang individu. Oleh itu, dalam kajian ini perbezaan penerimaan setiap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran adalah tidak sama dinilai. Bagi pelajar yang mempunyai pengalaman bekerja dan faktor usia yang agak meningkat, penerimaan mereka mungkin tidak sama dengan pelajar biasa. Tahap kecerdasan emosi dapat diketahui berada pada tahap tinggi atau rendah berdasarkan pengiraan skor min melalui analisis soal selidik yang dijawab oleh responden. Melalui jadual interpretasi skor min oleh Landell (1997), aras kecenderungan dapat diketahui.

### **1.11.4 Pengalaman**

Menurut Kamus Dewan (2005), pengalaman bererti apa-apa yang pernah dialami oleh seseorang. Di dalam kajian ini, pengalaman adalah merujuk kepada pelajar DPLI yang mempunyai pengalaman kerja seperti Guru Sandaran Tak Terlatih. Dalam kajian ini pengalaman pelajar DPLI untuk mengukur tahap kecerdasan emosi mereka.

### 1.11.5 Demografi

Berdasarkan Kamus Dewan (2005), demografi bermaksud kajian tentang ciri-ciri perkembangan penduduk dari segi saiz, kepadatan, taburan, kelahiran, kematian dan sebagainya dalam tempoh waktu yang tertentu. Di dalam kajian ini, demografi merujuk kepada faktor pengalaman dan umur pelajar DPLI. Di mana kecerdasan emosi pelajar DPLI telah dilihat melalui faktor pengalaman dan umur mereka.

### 1.13 Rumusan

Dalam bab ini menerangkan kajian yang melibatkan responden dari pelajar DPLI Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Ianya juga menjelaskan perkaitan kajian ini dengan model kecerdasan emosi yang digunakan serta model yang lain. Selain itu, ia menceritakan serba sedikit tentang pengenalan, latar belakang masalah, objektif serta persoalan kajian ini. Bagi menjelaskan lagi tentang kajian ini dengan lebih terperinci, ia akan dijelaskan di dalam Bab 2.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Kajian literatur membabitkan satu rumusan, analisis, dan pentafsiran yang dibuat oleh seseorang pengkaji tentang literatur teori, literatur konsepsi, dan literatur penyelidikan yang berkaitan dengan tema atau topik kajian (Von Glasersfeld, 1995). Kajian literatur membabitkan proses pencarian dan penilaian terhadap kajian literatur yang sedia ada dalam bidang kajian tertentu. Walaupun tinjauan literatur ini merupakan satu proses yang subjektif, tetapi penyelidik perlu membuat tinjauan tersebut untuk menentukan sama ada kajian yang ditinjau olehnya telah dijalankan dengan baik dan hasil kajian tersebut boleh dipercayai. Dalam pencapaian akademik, kecerdasan emosi amat penting bagi mengawal prestasi setiap pencapaian. Bagi mengetahui tahap-tahap kecerdasan emosi seseorang, kajian lepas perlu dibuat dengan sebaiknya bagi membantu kajian yang dijalankan dan sangat penting untuk dijadikan rujukan. Dalam bab ini membincangkan tentang teori-teori berkenaan dengan kecerdasan emosi serta model kecerdasan emosi. Kajian-kajian lepas berdasarkan kecerdasan emosi yang mempengaruhi pelajar juga diterangkan dalam bab ini.



## 2.2 Penubuhan Diploma Pendidikan Lepas Ijazah

DPLI telah diwujudkan selaras Mesyuarat Penyelarasan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Kementerian Pengajian Tinggi pada 29 Ogos 2006. Calon bagi menduduki Diploma Pendidikan ini adalah Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) yang telah berkhidmat di sekolah-sekolah di Malaysia. Calon GSTT yang terpilih wajib memenuhi tempoh pengajian yang telah ditetapkan bagi membolehkan penempatan yang tetap sebagai seorang pendidik dengan memiliki ikhtisas pendidikan. Menurut Humphrey *et al.* (2007), pendidikan dan latihan ikhtisas guru merupakan faktor yang paling utama dalam menentukan kualiti guru dan kualiti pengajaran.

## 2.3 Kecerdasan

Menurut Hassan (1998), kecerdasan ialah kebolehan untuk memperoleh dan memegang pengetahuan. Dari segi psikologi, ianya dikatakan bahawa darjah kecerdasan seseorang mempengaruhi kadar kefahaman seseorang terhadap apa yang dipelajarinya. Beliau juga menegaskan bahawa terdapat kajian yang menyatakan darjah kecerdasan seseorang itu tidak boleh dipertingkatkan. Bagi Abd. Hamid (2004), kecerdasan juga dikatakan meliputi kemampuan membaca, menulis, menghitung dan angka yang menjadi fokus dalam pendidikan formal seperti di sekolah dan sesungguhnya mengarahkan seseorang untuk mencapai kejayaan di dalam bidang akademik.

Kemampuan lain seperti kecerdasan di luar IQ seperti bakat, pengamatan sosial, hubungan sosial, kematangan emosional dan lain-lain juga perlu diperkembangkan. Menurut Yunus (2005), kecerdasan mempunyai kaitan yang erat dengan kemampuan kognitif yang dimiliki oleh individu. Ia merupakan istilah umum yang digunakan untuk menjelaskan sifat fikiran yang meliputi sesetengah kemampuan seperti kemampuan berfikir, menyelesaikan masalah, kebolehan menaakul dengan baik dan logik, kebolehan bertutur dengan lancar, kebolehan membaca dengan meluas, menguasai perbendaharaan dengan baik, ingatan yang baik dan berpengetahuan yang luas. Dengan secara tidak langsung, ia dapat mempengaruhi tingkah laku individu.



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJANGAN AMANAH

## 2.4 Emosi

Menurut Hassan (2001), di dalam proses ingatan emosi memainkan peranan yang sangat penting. Terdapat di dalam bahagian otak yang dinamakan sistem limbik dianggap sebagai pusat emosi atau perasaan. Di bahagian ini, terletaknya suatu tisu yang dipanggil *hippocampus* di mana semua maklumat akan dirakamkan untuk menjadi ingatan jangka panjang. Kadang kala, segala maklumat yang telah dirakamkan tidak dapat diingatkan semula di dalam keadaan kritikal atau terdesak, contohnya seperti semasa menduduki ujian atau peperiksaan. Nain (2004), menjelaskan emosi adalah satu bentuk maklum balas daripada hati dan bukannya otak. Maklum balas ini mampu mencetuskan kebijaksanaan kreativiti, di mana akan menyebabkan kita bersikap jujur pada diri sendiri dan orang lain serta memberi panduan yang betul berkenaan keputusan hidup yang penting. Hamid (2004) pula menyatakan terdapat tiga aspek di dalam emosi. Aspek pertama adalah *cognitive-experiential* yang bermaksud emosi yang dapat dijelaskan dengan perkataan. Aspek kedua adalah *behavior-expressive* atau *non-verbal expression* seperti mimik muka, bahasa tubuh serta postur dan aspek terakhir adalah *physiological-biochemical* iaitu aktiviti otak, suhu badan dan kadar denyutan jantung. Hanya aspek *behavior-expressive* yang dapat dilihat dengan jelas manakala dua aspek yang lain agak sukar dapat dilihat.

## 2.5 Faktor-faktor yang mempengaruhi emosi

Menurut Hamid (2004), terdapat tujuh faktor yang mempengaruhi emosi iaitu:

- i. Kepintaran – mereka yang pintar lebih peka kepada kemungkinan berlakunya keadaan bahaya.
- ii. Jantina – kanak-kanak perempuan mempunyai perasaan takut lebih dari lelaki.

- iii. Status sosioekonomi – kanak-kanak kelas rendah lebih takut kerana terdedah kepada masalah dan keganasan.
- iv. Keadaan fizikal – kanak-kanak yang kelaparan, kepenatan dan keadaan fizikal yang tidak baik, mempunyai ketakutan yang lebih.
- v. Hubungan sosial – kanak-kanak yang berada dalam kumpulan yang takut akan sama-sama berasa takut.
- vi. Kedudukan dalam keluarga – kanak-kanak sulung takut akan saingan daripada adik-adiknya.
- vii. Personaliti – kanak-kanak yang rasa tidak yakin dan lebih berasa takut daripada kanak-kanak yang lebih yakin pada diri sendiri.

## 2.6 Kecerdasan emosi

Mayor dan Salovey (1997) mendefinisikan bahawa kecerdasan emosi sebagai keupayaan pelajar untuk mengawal perasaannya sendiri dan memerhati perasaan dan emosi individu lain untuk membezakan antara mereka dan menggunakan maklumat untuk memberi panduan dalam berfikir dan bertindak. Kecerdasan emosi merupakan keupayaan untuk mengenal, memahami dan mengurus emosi diri dan juga orang lain. Bagi Goleman (1995), beliau menyatakan bahawa seseorang yang tidak mempunyai keupayaan mengawal emosi apabila berinteraksi dengan orang lain kurang bermotivasi untuk menjalankan kerja dengan baik.

Mereka juga tidak boleh digolongkan sebagai individu yang berjaya dalam kerjaya masing-masing. Peristiwa-peristiwa cetusan emosi yang digambarkan, terutama yang berlaku di tempat kerja, membawa implikasi terhadap tahap kestabilan dan kematangan emosi yang dimiliki oleh individu-individu yang terlibat. Menurut Goleman (2006), kecerdasan emosi adalah satu trait yang bermaksud ciri ataupun sifat yang tersendiri yang diperlukan oleh seseorang untuk berjaya dalam kerjaya. Ianya juga berkait rapat dengan nilai kerja yang dipegang oleh seseorang dan boleh memberikan kesan ke atas prestasi kerja individu tersebut. Terdapat pelbagai model

kecerdasan emosi, namun di dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan model kecerdasan emosi Goleman.

### **2.6.1 Perkaitan kecerdasan emosi dengan umur**

Menurut kajian Skovholt & D'Rozario (2000), semakin berumur seseorang itu, semakin tinggi kecerdasan emosi yang dimiliki. Hasil kajian itu juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kecerdasan emosi dengan umur iaitu jumlah skor meningkat apabila mengjangkau usia akhir 40 tahun dan akhir 50 tahun.

### **2.6.2 Perkaitan kecerdasan emosi dengan pengalaman kerja**

Menurut kajian Iskandar *et al.* (2009), terdapat perbezaan dalam skor kecerdasan emosi berdasarkan pengalaman kerja. Responden berpengalaman 21 tahun ke atas didapati mendapat skor kecerdasan emosi lebih tinggi daripada kumpulan-kumpulan yang mempunyai kurang pengalaman bekerja dalam bidang pendidikan.

### **2.7 Ciri-ciri individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi**

Menurut Dom (2009), konsep kecerdasan emosi ini perlu diserapkan kepada semua bermula daripada kanak-kanak lagi. Dengan ini, ia akan membolehkan mereka menjadi seorang yang lebih peka kepada persekitaran dan perasaan orang lain. Menurut beliau lagi, oleh kerana mereka yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi lebih mudah menerima dan memahami persekitaran dan masalah yang dihadapi dalam kehidupan, jadi mereka pastinya akan mempunyai jalan kehidupan yang mudah. Selain itu juga, beliau berpendapat terdapat beberapa ciri-ciri individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi. Ianya adalah:


- i. Mudah melahirkan perasaannya dengan jelas dan tulus.
- ii. Tidak takut untuk melahirkan perasaannya.

- iii. Tidak menjadi hamba kepada perasaan negatif seperti takut, risau, malu, bersalah dan kecewa.
- iv. Boleh memahami komunikasi berbentuk lisan dan tidak lisan.
- v. Membenarkan perasaannya dengan bijaksana membimbing jalan hidupnya.
- vi. Menyeimbangkan perasaan dengan alasan logik dan benar.
- vii. Merasakan diri berupaya.
- viii. Boleh memotivasikan diri.
- ix. Member penekanan dan pengharapan kepada kejayaan.
- x. Tidak menghayati kegagalan.
- xi. Berminat terhadap perasaan orang lain.
- xii. Boleh mengenal pasti pelbagai perasaan.

## 2.8 Model Kecerdasan Emosi Goleman

Goleman (2006) mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kemampuan untuk mengawal dan mengelolakan diri sendiri dan orang lain dari aspek perasaan, emosi dan tingkah laku. Ia juga merupakan tindakan dan kepintaran untuk mengubahsui sesuatu tingkah laku bersesuaian dengan masa dan keadaan. Dalam kajian ini, kecerdasan emosi merujuk kepada cara atau emosi pelajar itu sendiri dalam menghadapi proses pengajaran dan pembelajaran di mana tahap kecerdasan emosi akan dilihat melalui demografi yang dimiliki oleh pelajar tersebut. Goleman (2006) menyarankan lima faktor atribusi iaitu hal menganggap sesuatu sebagai hasil dari sesuatu yang lain terhadap kecerdasan emosi. Faktor-faktor tersebut ialah:





Rajah 2.1: Model kecerdasan emosi Goleman  
(Goleman, 2006)

### 2.8.1 Kesedaran sendiri

Faktor pertama iaitu kesedaran sendiri bermaksud kebolehan seseorang untuk mengetahui perasaan mereka dalam satu-satu situasi dan keupayaan mereka untuk memilih keutamaan panduan dalam membuat keputusan. Seseorang yang mempunyai kesedaran sendiri juga mempunyai penilaian yang realistik tentang keupayaan diri dan mereka mempunyai keyakinan diri yang kukuh.

### 2.8.2 Pengawalan sendiri

Faktor kedua iaitu pengawalan sendiri dimaksudkan sebagai kebolehan mengurus emosi agar ianya memudahkan dan bukannya mengganggu dalam menyelesaikan sesuatu tugas. Individu yang boleh mengawal diri mereka sentiasa berhemah dan boleh menenangkan sementara perasaan negatif mereka. Individu sedemikian juga cepat pulih dari pada tekanan emosi.

### 2.8.3 Motivasi sendiri

Faktor ketiga iaitu individu yang mempunyai motivasi sendiri berupaya menggunakan kehendak diri dalam menggerakkan dan memandu arah mereka untuk mencapai sesuatu tujuan. Motivasi sendiri boleh membantu seseorang dalam mengambil inisiatif dan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki diri. Individu dengan motivasi sendiri yang tinggi sentiasa tabah apabila menghadapi masalah atau dalam keadaan kekecewaan yang tinggi.

### 2.8.4 Empati

Faktor keempat iaitu empati merupakan faktor yang boleh membantu seseorang mengesan perasaan orang lain. Sifat empati juga membolehkan seseorang melihat atau memahami sudut pandangan orang lain. Sifat ini juga boleh menjadi faktor pencetus dan penyubur kemesraan dan keserasian dengan individu dari pelbagai latar belakang. Individu yang mempunyai sifat empati boleh menyelami keperitan, kesusahan, kekecewaan atau keraguan seseorang terhadap sesuatu perkara. Seseorang yang boleh menunjukkan sifat empati akan lebih mudah berinteraksi dengan orang lain terutama dalam proses membantu seseorang (Corey *et al.*, 1998).

### 2.8.5 Kemahiran sosial


Faktor kelima iaitu kemahiran bersosial yang membolehkan seseorang mengurus pelbagai emosi secara efektif dalam perhubungan. Mereka juga mampu mentafsir dengan tepat situasi sosial dan jaringannya selain daripada mahir memujuk dan memimpin. Seseorang yang mempunyai kemahiran bersosial yang berkesan juga mampu menjadi pakar runding yang baik di samping berkebolehan menyelesaikan konflik bagi mewujudkan kerjasama dan semangat berpasukan dalam sesebuah organisasi.





## 2.9 Model Kecerdasan Emosi Bar-On

Bar-On (1997) mendefinisikan bahawa kecerdasan emosi sebagai persilangan antara emosi dan kecekapan sosial, kemahiran dan pemudah cara yang menentukan bagaimana kita memahami dan menggambarkan diri, memahami individu lain dan berhubung dengan mereka dan bertahan dengan tuntutan harian, cabaran serta tekanan. Menurut beliau lagi, terdapat lima domain kecerdasan emosi, iaitu intrapersonal, interpersonal, pengurusan tekanan, penyesuaian dan penyelesaian masalah. Rajah 2.2 menunjukkan lima domain kecerdasan emosi Bar-On.



Rajah 2.2: Model kecerdasan emosi Bar-On  
(Bar-On, 1997)

### 2.9.1 Intrapersonal

Domain pertama iaitu intrapersonal adalah keupayaan untuk mengenali dan menguruskan diri. Ianya terdiri daripada penjagaan diri, kesedaran emosi, asertif, berdikari dan peningkatan diri. Penjagaan diri adalah seperti kebolehan untuk sedar, faham menerima dan menghormati diri sendiri. Bagi kesedaran emosi pula adalah seperti kebolehan mengenal pasti dan memahami emosi diri. Asertif pula bermaksud kebolehan menyatakan perasaan, kepercayaan, pemikiran dan mempertahankan hak diri secara aman. Berdikari adalah kebolehan seseorang melakukan sesuatu tanpa

diperintah dan boleh mengawal pemikiran dan tindakan tanpa terpengaruh dengan emosi. Kebolehan seseorang dalam mengetahui potensi diri sendiri dan melakukan sesuatu yang disukai adalah contoh bagi peningkatan diri.

### **2.9.2 Interpersonal**

Domain kedua iaitu interpersonal yang bermaksud kemampuan untuk bergaul serta berinteraksi dengan orang lain. Dengan kemampuan ini, perasaan empati akan wujud iaitu dengan mempunyai kebolehan menyedari, memahami dan menghargai perasaan orang lain. Dengan interpersonal juga, seseorang itu akan mempunyai tanggungjawab sosial di mana mempunyai kebolehan menonjolkan diri sebagai seorang yang koperatif dan member sumbangan kepada kumpulan. Selain itu, seseorang itu akan mempunyai hubungan interpersonal iaitu kebolehan membina dan menjaga hubungan mesra berdasarkan keintiman dan memberi serta menerima kasih sayang.

### **2.9.3 Pengurusan tekanan**

Domain ketiga iaitu pengurusan tekanan bermaksud kemampuan untuk bertahan dalam menghadapi tekanan dan mengendalikan dorongan ataupun kawalan emosi. Pengurusan ini terdapat dua faktor iaitu toleransi tekanan yang berkesan dalam membina dan menguruskan emosi ketika situasi yang agak rumit. Faktor kedua adalah kawalan dorongan iaitu membina dalam mengawal emosi perasaan ingin bertindak.

### **2.9.4 Penyesuaian**

Domain keempat iaitu penyesuaian adalah kemampuan untuk mempertahankan sikap positif yang realistik terutamanya dalam menghadapi masa-masa sukar dan kritikal, mampu mensyukuri kehidupan, menyayangi diri sendiri dan orang lain serta bersemangat dalam melakukan sebarang kegiatan. Terdapat tiga faktor yang mempengaruhi penyesuaian iaitu ujian realiti yang mengesahkan kebolehan menilai



apa yang dirasakan dengan apa yang sebenarnya berlaku. Faktor yang kedua adalah fleksibiliti iaitu kebolehan menyesuaikan perasaan, pemikiran dan tingkah laku mengikut situasi.

### **2.9.5 Penyelesaian masalah**

Domain kelima adalah penyelesaian masalah iaitu mengenal pasti dan mentakrifkan masalah peribadi dan masalah sosial. Perkara ini melibatkan sikap optimis di mana kebolehan melihat dari sudut positif dan mengekalkan sikap positif walaupun dalam situasi yang sukar. Ianya juga melibatkan keceriaan ataupun kegembiraan iaitu kebolehan merasakan kepuasan hidup serta mempamerkan emosi yang positif.

### **2.10 Model kecerdasan emosi empat cabang**

Model kecerdasan emosi *Four Branch* atau empat cabang telah dibangunkan oleh Mayer & Salovey (1997) bagi menjelaskan konsep kecerdasan emosi. Di dalam model ini, kecerdasan emosi telah dipecahkan kepada empat proses di mana merangkumi pembentukan emosi serta pengurusan emosi. Rajah 2.3 menunjukkan proses bagi model kecerdasan emosi empat cabang iaitu mengenal pasti emosi, menggunakan emosi untuk memudahkan proses berfikir, memahami emosi dan mengurus emosi.



## RUJUKAN

- Abd Hamid, M.A. (2006). *Panduan meningkatkan kecerdasan Emosi*. Kuala Lumpur: Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Ghafar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Alsagoff, S. A. (1984), *Teknologi pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bar-On, R. (1997). *Bar-On Emotional Quotient Inventory (EQ-i) Manual*. Toronto: Multi Health System.
- Boon K. B. & Chua T. T. (1992), *Pendidikan khas dan pemulihan: bacaan asas*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burzi, F. (2004). *Konsep Kendiri dan Motivasi*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Chemis & Cary (2000). *Emotional Intelligence: EQ and Gender: Society for Industrial and Organizational Psychology*. Los Angeles: New Orleans.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Chua, Y. P. (2008). *Asas Statistik dan Penyelidikan: Analisis Data Skala Ordinal dan Skala Nominal*. Shah Alam: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Corey, G., M. S. Corey, and P. Callahan. 1998. *Issues & ethics in the helping profession* (5th Ed.). Pacific Grine, CA:Brooks.
- Corrie, C. (2009). *Becoming Emotional Intelligent. 2<sup>nd</sup> edition*. United Kingdom: Continuum.
- Cox, T & Brockley, T. (1984). The Experience And Effects Of Stress In Teachers. *British Educational Research Journal*. Vol 77, No 2, 139-145.
- Cross, G. R. (1974). *The Psychology of Learning: An introduction for students of education*. Oxford : Pergamon Press.



- Dom, M. N. H. (2009). *Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Thesis Sarjana.
- Gardner, H. (1983). *Frame of Mind: The Theory of Multiple Intelligence*. Basic Books: New York.
- Gliem, J.R. & Gliem R.R. (2003). *Calculating, Interpreting And Reporting Cronbach's Alpha Reliability Coefficient For Likert-Type Scale*. Columbus: The Ohio State University.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence : Why It Can Matter More Than IQ*. New York: Bantam Book.
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- Goleman, D. (2006). *Working with emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- Greenwald, R., Hedges, L. & Laine, R. 1996. The effect of school resources on student achievement. *Review of Educational Research* 66: 361-396.
- Hamid, A. M. A. (2004). *Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi. Edisi Pertama*. Pahang: PTS Publications & Distribution Sdn. Bhd.
- Hassan, A. F. (1998). *Pemikiran Keseluruhan Otak Dalam Pengurusan Pendidikan dan Kaitannya dengan Kecerdasan Emosi*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hassan, A. F. (2001). *Penggunaan Minda Secara Optimum. Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distribution Sdn. Bhd.
- Humphrey, D.C., Wechler, M., & Bosetti, K.R. (2007) *Teacher Introduction in Illinois: Are Preliminary Analysis*. New York: Joyce Foundation.
- Ibrahim, M. S., Zamri M. & Othman, N. (2006). *Pengenalan kesediaan profesionalisme guru novis (pp 1-10)*. Cadangan Modul Latihan, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Ibrahim, W. W. A. (2003). *Kecerdasan emosi di kalangan guru sekolah menengah berasrama penuh dan sekolah harian*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ishak, M. N. (2005). Kepintaran emosi di kalangan pekerja di Malaysia. *Prosiding IRPA-RMK-8 Kategori EAR, Jilid 1*, 184-187.
- Ishak, M. N., Ramlee M., Rahayah, S. & Najmuddin, S. S. H. (2003) Kecerdasan Emosi dan Hubungannya dengan Nilai Kerja. *Jurnal Teknologi* 39.pp 77-84



- Iskandar, Majzub, M. R. & Mahmud, Z. (2009). Kecerdasan Emosi dan Komitmen Pekerjaan dalam Kalangan Pensyarah Universiti di Indonesia, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34. PP. 173-186.
- Kamus Dewan (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2001), Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi, Pusat Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Khalid J. (2009) *Pola Efikasi Guru-Guru Novis Sekolah Menengah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Konting, M. M. (2004). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W.(1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30. 607-610.
- Kyriacou, C. & Sutcliffe, J (1978). A Model of Teacher Stress Educational Studies. *International Educational Research*. 4(1) : 1-6.
- Landell, K. (1997). *Management by Menu*. London: Wiley and Sond Inc.
- Likert, R. (1932). *A Technique For The Measurement Of Attitudes*. New York: Basic Books.
- Marzuki, N. A. (2007). *Psikologi Personal*. Selangor: Utusan Publications & Distribution Sdn Bhd.
- Mayer, J.D, & Salovey, P. (1997). *What is Emotional Intelligence?*. New York: Basic Books.
- Mohamad Ariff, N.A., Hamzah, R., & Udin, A. (2010) Guru PTV masa hadapan: kefahaman falsafah yang lebih baik. *Jurnal edupress* 2010.
- Mohamad, B., Esa, A. & Junoh, Husin. (2007). *Psikologi Pendidikan dalam PTV*. Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mok, S. S. (2008) *Pengurusan kurikulum*, Puchong : Penerbitan Multimedia.
- Mordkoff, J., T. (2011) *The Assumption of Normality*. Copyright: 2000, 2011
- Nain, M. A. S. (2004) *EQ: Panduan Meningkatkan Emosi. Edisi Pertama*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Nordin J. (2004). *Kawallah Kehidupan Anda*. Kuala Lumpur: Synergy Publishing Co.
- Nordin, A. B. (1995). Cabaran pendidikan guru: Falsafah dan strategi dalam pembentukan guru yang unggul. *Prosiding Seminar Kebangsaan*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM Bangi.



- Selamat, A. R. (2000). *Pengurusan Sekolah Bestari – Satu Pengenalan*. Subang Jaya: Badan Cemerlang Sdn. Bhd.
- Skovholt, T., and D’Rozario, V. (2000). Portraits of outstanding and inadequate teachers in Singapore: The impact of emotional intelligence. *Teaching and Learning*, 21(1): 9-17.
- Subari, K., Saud, M. S., Ahmad, A. & Jemali, M. A. (2006) Tahap Keterampilan Emosi Guru-Guru Pelatih Opsyen Kemahiran Hidup Kursus Perguruan Lepas Ijazah Dan Kursus Diploma Perguruan Malaysia Di Dua Buah Maktab Negeri Johor. *Seminar TVE06, 09-10 December 2006, Hotel Sofitel Palm Resort, Senai Johor*.
- Tahir, Y., & Boon, Y. (2006). Tahap kecerdasan emosi dan hubungannya dengan komitmen guru dalam bekerja dalam kalangan guru mata pelajaran teras tahun enam. *Journal of Edupress*, 1 . pp. 187-196.
- Uno, B. H. (2006). *Orientasi baru dalam psikologi pembelajaran*. Jakarta: PT Bumi Aksara.
- Von Glasersfeld, E. (1995). *Radical constructivism: A way of knowing and learning*. London: The Falmer Press.
- Watson, L. (2005). *Quality teaching and school leadership: A scan of research findings*. Canberra: Australian Institute for Teaching and School Leadership.
- Yahaya, A., Hashim, S., Boon, Y., Mohd Nor, N. & Yahaya, N. (2007) *Hubungan Kecerdasan Emosi Dengan Prestasi Pencapaian Akademik*. pp. 1-17.
- Yahaya, A., Boon, Y. & Abdul, A. H. (2005). Kecerdasan Emosi dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik dan Tingkah laku Pelajar. *Seminar Antarabangsa CESA di UKM Jun 2005*.
- Yunus, M. Y. (2008). *Kecerdasan Emosi dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sarjana Pendidikan di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Yusof, Y. (2005). Kecerdasan Emosi. *Jurnal Akademik*. Jabatan Hal Ehwal Pelajar.
- Zamri M., Othman, N. & Ibrahim, M. S. (2007). *Profesionalisme guru novis: Model latihan. Edisi Kedua*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

